



## JABATAN BENDAHARI NEGERI SABAH

Blok A, Tingkat 8 - 11,  
Pusat Pentadbiran Negeri Sabah,  
Jalan Teluk Likas, Tanjung Lipat,  
88400 Kota Kinabalu, Sabah



Tel.: 088-368397 Faks: 088-211392 E-mel: bn.jbn@sabah.gov.my

Bil. JBNS: **100-4/10 Jld.(7) (06)**

Tarikh : **10 JAN 2024**

Semua Setiausaha Tetap Kementerian,  
Semua Ketua Jabatan,  
Semua Pegawai Daerah,  
Semua Penolong Pegawai Daerah Kecil.

YBhg. Datuk/Datin/Tuan/Puan

### **PEKELILING JABATAN BENDAHARI NEGERI SABAH BIL. 1 TAHUN 2024 PERATURAN PEMBAYARAN BANTUAN KHAS KEWANGAN TAHUN 2024**

#### **1. TUJUAN**

Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan kaedah pembayaran **BANTUAN KHAS KEWANGAN TAHUN (BKK) 2024**.

#### **2. LATARBELAKANG**

Pembayaran ini adalah selaras dengan Pekeliling Perkhidmatan Negeri Sabah (PPNS) Bil. 1/2024 bertarikh 05 Januari 2024. Pekeliling ini hendaklah dibaca bersama dengan pekeliling tersebut yang boleh didapati melalui laman sesawang Kerajaan Negeri Sabah <http://www.sabah.gov.my/ecircular>.

#### **3. KAEADAH PEMBAYARAN**

- 3.1 BKK Tahun 2024 akan dibayar sebanyak dua kali iaitu RM1,000.00 pada Januari 2024 dan RM1,000.00 lagi akan dibayar menjelang Hari Raya Aidilfitri (Mac 2024). Bayaran dibuat hanya kepada pegawai Perkhidmatan Awam Negeri termasuk Jabatan Mengakaun Sendiri (JMS) yang aktif dibayar gaji melalui Sistem Gaji Pusat (SGP) tertakluk kepada syarat-syarat yang telah ditetapkan dalam PPNS Bil. 1/2024 bertarikh 05 Januari 2024.



**“SABAH MAJU JAYA”**

- 3.2 Pembayaran hanya boleh dibuat melalui SGP. Oleh yang demikian, bagi Pegawai Perkhidmatan Awam Negeri yang tidak aktif dibayar gaji melalui SGP pada bulan Januari 2024 dan Mac 2024 tetapi layak dibayar BKK Tahun 2024, Jabatan hendaklah menyediakan input BKK Tahun 2024 melalui Sistem ePay A3 dan menghantar input mengikut Jadual Penghantaran Input Bulanan Tahun 2024.

#### 4. KOD BAYARAN / POTONGAN

- 4.1 Kod bayaran / potongan BKK Tahun 2024 adalah seperti berikut:

KOD OBJEK	KOD SGP	SINGKATAN	PERIHAL
15106	403	BKK 2024	BANTUAN KHAS KEWANGAN 2024
15106	698	TBKK 2024	TUNGGAKAN BANTUAN KHAS KEWANGAN 2024
15106	767	BLKBKK	KUTIPAN BALIK BAYARAN BANTUAN KHAS KEWANGAN 2024
29306	404	BKK2024VT	BANTUAN KHAS KEWANGAN 2024 VOT TERBUKA
29306	699	TBKK2024VT	TUNGGAKAN BANTUAN KHAS KEWANGAN VOT TERBUKA
29306	768	BLKBKKVT	KUTIPAN BALIK BANTUAN KHAS KEWANGAN VOT TERBUKA TAHUN SEMASA

- 4.2 Kod bayaran / potongan BKKA Tahun 2024 adalah seperti berikut:

KOD OBJEK	KOD SGP	SINGKATAN	PERIHAL
15106	405	BKKA 2024	BANTUAN KHAS KEWANGAN AIDILFITRI 2024
15106	566	TBKKA 2024	TUNGGAKAN BANTUAN KHAS KEWANGAN AIDILFITRI 2024
15106	767	BLKBKKA	KUTIPAN BALIK BAYARAN BANTUAN KHAS KEWANGAN AIDILFITRI 2024
29306	406	BKKA2024VT	BANTUAN KHAS KEWANGAN AIDILFITRI 2024 VOT TERBUKA
29306	567	TBKKA2024VT	TUNGGAKAN BANTUAN KHAS KEWANGAN AIDILFITRI VOT TERBUKA 2024
29306	768	BLKBKKAVT	KUTIPAN BALIK BANTUAN KHAS KEWANGAN AIDILFITRI VOT TERBUKA TAHUN SEMASA 2024

**“SABAH MAJU JAYA”**

## 5. TANGGUNGJAWAB KETUA JABATAN

- 5.1 Pusat Kawalan Sistem Perakaunan akan mengeluarkan Laporan Senarai Nama Penerima BKK Tahun 2024 kepada semua Kementerian/Jabatan di bawah SGP termasuk JMS untuk semakan masing-masing. Laporan berkenaan adalah berdasarkan kepada maklumat anggota dalam SGP.
- 5.2 Ketua Jabatan adalah bertanggungjawab menyemak dengan teliti laporan tersebut dan memastikan bayaran BKK Tahun 2024 kepada setiap anggota masing-masing teratur dan mematuhi peraturan PPNS Bil. 1/2024. Perhatian hendaklah diberikan kepada **pegawai yang tidak layak dan ditangguhkan BKK Tahun 2024**. Selanjutnya pembayaran BKK Tahun 2024 kepada Pesara Perkhidmatan Awam Negeri yang dilantik semula hendaklah mematuhi PPNS Bil. 1/2024.
- 5.3 Ketua Jabatan bertanggungjawab membuat pelarasan semula BKK Tahun 2024 yang telah dibayar jika berlaku salah bayaran. Pelarasan hendaklah dibuat segera melalui Sistem e-Pay A3 dan dihantar bersama input gaji mengikut jadual penghantaran input.
- 5.4 Ketua Jabatan selaku pegawai pengawal adalah bertanggungjawab untuk memastikan baki peruntukan dalam vot berkenaan adalah mencukupi untuk membayar BKK Tahun 2024 ini. Jika peruntukan tidak mencukupi, pegawai pengawal adalah bertanggungjawab untuk memohon pindah peruntukan atau peruntukan tambahan (ASP) mengikut peraturan-peraturan yang telah ditetapkan.

## 6. PEKERJA SAMBILAN HARIAN (PSH)

- 6.1 BKK Tahun 2024 kepada PSH akan dibayar serentak dengan gaji bulan Januari 2024 dan Mac 2024 berpandukan kepada senarai penerima PSH yang terdapat dalam Sistem Upah Harian (SUH).
- 6.2 Jabatan hendaklah mendaftarkan maklumat dalam SUH dan mengemukakan baucar bayaran am ke Jabatan Bendahari Negeri / Jabatan Pertanian Sabah. Bagi baucar PSH yang dibayar di Jabatan Bendahari Negeri, baucar tersebut hendaklah diluluskan pada peringkat Jabatan.
- 6.3 Ketua Jabatan bertanggungjawab memastikan PSH memenuhi syarat seperti yang dinyatakan dalam perenggan 2.1, Lampiran A & Lampiran B, PPNS Bil. 1/2024. Salinan surat pelantikan berserta salinan surat penerimaan jawatan hendaklah dikepilkan bersama sebagai sokongan yang melayakkan PSH berkenaan diberi BKK Tahun 2024.
- 6.4 Ketua Jabatan adalah bertanggungjawab sepenuhnya ke atas kelewatan pembayaran BKK Tahun 2024 kepada PSH di Jabatan masing-masing kerana kelewatan untuk mengemukakan baucar bayaran am ke Jabatan Bendahari Negeri / Jabatan Pertanian Sabah ataupun mendapat teguran kerana terdapat PSH yang tidak layak diberi BKK Tahun 2024 kerana tidak memenuhi syarat seperti di para 6.3.

**“SABAH MAJU JAYA”**

## 7. PENUTUP

Sekiranya terdapat kemusyikilan dalam pelaksanaan pekeliling ini, sila berhubung terus dengan Akauntan Seksyen Saraan melalui telefon 088-368516 atau e-mel [AkiffZaqwan.Arif@sabah.gov.my](mailto:AkiffZaqwan.Arif@sabah.gov.my).

Sekian, terima kasih.

**“MALAYSIA MADANI”**

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah

**(DATUK MARY ANGELA SIPAUN C.A.(M), FCPA(A), ASEAN CPA)**  
**Bendahari Negeri**

DSS/MAS/aza

s.k. Pengarah  
Jabatan Kerja Raya  
Jalan Sembulan  
Peti Surat 128  
**88592 KOTA KINABALU**  
(u.p: Ketua Penolong Pengarah, Cawangan Akaun)

Pengarah  
Jabatan Pertanian  
Wisma Pertanian, Jln Tasik  
Beg Berkunci 2050  
**88632 KOTA KINABALU**  
(u.p: Ketua Akauntan)

Ketua Konservator Hutan  
Jabatan Perhutanan  
Beg Berkunci 68  
**90009 SANDAKAN**  
(u.p: Ketua Akauntan)

Pengarah  
Jabatan Tanah Dan Ukur  
Beg Berkunci 2044  
**88576 KOTA KINABALU**  
(u.p : Ketua Akauntan)

**“SABAH MAJU JAYA”**

Pengarah  
Jabatan Perkhidmatan Komputer Negeri  
Tingkat 7, Menara Kinabalu  
**88400 KOTA KINABALU**

u.p : Puan Noraini Matalie  
Puan Rafidah Ali Hassan  
Puan Karen Sigawal

Jabatan Bendahari Negeri Sabah  
Pusat Kawalan Sistem Perakaunan

u.p : Puan Josie Mijol  
Encik Yazid Yuzairie Yunos  
Encik Faizal Heesyam Bin Mohd Kassim

**“SABAH MAJU JAYA”**